

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 OKTOBER 2020

KERATAN AKHBAR

## Empat potensi pencemaran dihalang

**Shah Alam:** Mujur diambil tindakan pantas. Ini susulan empat potensi pencemaran air sungai dihalang dalam tempoh seminggu, sekaligus mengelak gangguan bekalan air di Selangor berulang kembali.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pencemaran itu dihalang menerusi pemantauan berterusan dilakukan pegawai serta anggota yang ditempatkan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Pengerusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

"Selepas pertambahan anggota pemantauan pembangunan sungai dilakukan, kami mengesan empat potensi pencemaran dapat dihalang dalam tempoh kurang seminggu sebelum ia mengalir ke sungai utama.

"Terbaharu adalah kelmarin apabila tumpahan seperti minyak hitam dikesan di Kampung Baru Balakong. Bagaimanapun hasil pemeriksaan pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span) dan Air Selangor mendapati tiada kesan

dari kilang atau bengkel berdekatan.

"Perkara sama berlaku tiga hari lalu di Sungai Kundang. Kami bimbang jika ia tindakan disengajakan," katanya di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Amirudin turut menyeru semua pihak tidak melakukan tindakan mencemarkan sungai kerana ia memabitkan ratusan ribu akaun serta jutaan penduduk yang menderita akibat gangguan bekalan air.

Terdahulu, Luas menja-

lankan siasatan berhubung aduan pencemaran bau akibat tumpahan minyak di alur air Jalan KB1/9 Kampung Baru Balakong, Kajang.

Luas dalam satu kenyataan menerusi Facebook semalam memaklumkan, siasatan mendapati bahan pencemaran seperti sisa minyak enjin terpakai dibuang ke dalam alur air berkenaan.

Selain itu, polis juga membuka kertas siasatan berhubung kes pencemaran berkenaan.



Oleh Nurul Hidayah Bahaudin  
nurul.hidayah@hmetro.com.my

### Kajang

Polis menjalankan siasatan berhubung kes pencemaran air di sungai di Jalan KB 1/10, Kampung Baru Balakong di sini, selepas menerima laporan daripada Jabatan Alam Sekitar (Jas) Selangor, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor Datuk Fadzil Ahmat berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang pegawai Jas Selangor berhubung perkara itu.

"Pegawai berkenaan membuat pemeriksaan di kawasan itu dan mendapati ada minyak hitam terapung atas permukaan alur air dari kawasan perumahan ke sungai yang disyaki terdapat unsur sabotaj.



KEADAAN air sungai di Kampung Baru Balakong yang mengalir ke Sungai Balak dan seterusnya Sungai Langat tercemar dan mengeluarkan bau busuk.

"Susulan laporan, kami pergi ke lokasi kejadian bersama tiga agensi lain iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Span), Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Indah Water Konsortium (IWK) bagi membantu siasatan.

"Beberapa sampel minyak bercampur air diambil untuk diuji bagi tujuan siasatan dan pendakwaan nanti," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 430

Kanun Keseksaan.

Katanya, pihaknya mengadakan mesyuarat bersama agensi penguatkuasaan berkenaan air di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor pada 20 Oktober lalu.

"Kami bersetuju menjalankan siasatan dan tindakan secara bersepadu bagi memastikan penguatkuasaan, siasatan dan pendakwaan dibuat secara total demi kepentingan dan kesejahteraan masyarakat Selangor khususnya," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Luas dalam kenyataan, memaklumkan pihaknya menerima aduan pencemaran minyak hitam di lokasi terbabit jam 6 petang, kelmarin.

"Siasatan mendapati bahan pencemaran itu seperti sisa minyak enjin terpakai yang dibuang ke dalam alur air dengan alirannya memasuki Sungai Balak dan seterusnya Sungai Langat.

"Pihak Luas menjalankan pensampelan dan mengambil tindakan kawalan di tapak," katanya.

Katanya, pada masa sama, Luas meletakkan oil pad dan oil boom di lokasi pembuangan bagi menghalang aliran minyak ke alur seterusnya ke Sungai Balak.

"Hasil siasatan Luas di tapak mendapati lokasi pembuangan minyak adalah kawasan bertakung dan ia disyaki pembuangan haram oleh pihak ketiga," katanya.

UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800